

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10320

PERTANYAAN:

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah kakitangan kebajikan di Penjara Kajang dan Sungai Buloh dan sama ada Kerajaan bercadang menambah jumlah kakitangan kebajikan bagi kesemua penjara di Malaysia.

113

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah Pegawai Pembangunan Masyarakat atau Pegawai Kebajikan yang ditempatkan di Penjara Kajang dan Penjara Sungai Buloh adalah seramai 8 orang iaitu 4 orang di Penjara Kajang dan 4 orang lagi di penjara Sungai Buloh. Secara keseluruhannya, sejumlah 98 perjawatan Pegawai Kebajikan iaitu termasuk Pembantu Pembangunan Masyarakat sehingga Pegawai Pembangunan Masyarakat telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat di seluruh institusi penjara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 78 perjawatan telah diisi dan perbincangan berterusan sentiasa dibuat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk pengisian baki perjawatan yang belum diisi.